

NO. SOALAN : 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA

TARIKH : 19 OKTOBER 2016

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status permohonan Persatuan Penduduk Taman Melewar untuk menukar status Taman Melewar daripada *leasehold* kepada *freehold*.

JAWAPAN : YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil semakan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP) didapati tiada permohonan daripada Persatuan Penduduk Taman Melewar bagi pertukaran pegangan tanah berbentuk pajakan (*lease hold*) kepada pegangan selama-lamanya (*free hold*) diterima oleh pihak PPTG WP.

Sekian, terima kasih.